

Syor laksana sekatan pergerakan bersasar

Kuala Lumpur: Beberapa pakar virologi dan kesihatan awam mencadangkan kerajaan melaksanakan sekatan pergerakan bersasar di kawasan atau negeri mencatatkan peningkatan kes dan kluster baharu COVID-19.

Pakar virologi Universiti Malaya (UM), Prof Emeritus Datuk Dr Lam Sai Kit, mengakui keperluan mengenakan semula sekatan pergerakan, namun ia tidak wajar dilaksanakan di seluruh negara.

Jelasnya, sekatan pergerakan menyeluruh hanya akan memberi impak negatif pada ekonomi, sekali gus menggesa orang ramai mematuhi segala prosedur operasi standard (SOP) supaya negara tidak dilanda gelombang ketiga COVID-19.

"Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) ketika ini, kita menjangkakan kluster baharu akan lebih tertumpu dan setempat, jadi tiada keperluan untuk sekatan dilaksanakan di seluruh negara.

"Contohnya, jika peningkatan kes di Sabah, maka langkah sekatan perlu dilaksanakan di negeri atau kawasan dalam negeri itu sahaja.

"Pelaksanaan sekatan lanjut bergantung kepada saiz sesuatu kluster itu dan sama ada jika ter-

dapat banyak jangkitan tempatan, khususnya yang sukar dikesan," katanya kepada *BH* di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada kerajaan perlu mengenakan sekatan pergerakan secara bersasar di kawasan merekodkan jangkitan COVID-19 seperti dilakukan di Sarawak.

Isnin lalu, Kerajaan Persekutuan meluluskan permohonan Kerajaan Sarawak untuk menghadkan pergerakan perjalanan antara zon di Sarawak mulai 1 hingga 14 Ogos depan.

Selain Sarawak, beberapa ne-

geri lain turut mencetuskan kebimbangan apabila merekodkan kluster baharu antaranya Kluster Sivagangga di Kubang Pasu. Kedah dicituskan pemilik kedai nasi kandar yang melanggar perintah kuarantin selepas pulang dari India.

Sementara itu, pakar kesihatan awam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh, berkata kerajaan wajar mengenakan sekatan pergerakan keluar dan masuk ke kawasan berisiko terkesan dengan Kluster Sivagangga.

Katanya, risiko penularan ada-

lah tinggi jika mengambil kira kemungkinan tidak semua pelanggan yang datang ke kedai makan itu memberi maklumat diri lengkap, selain pergerakan keluar masuk besar susulan sambutan Aidiladha.

"Tempoh kes indeks melanggar arahan kuarantin juga memungkinan dia pergi ke pelbagai tempat dan berpotensi menyebarkan wabak itu sepanjang tempoh berkenaan," katanya.

Berkongsi pandangan sama, pakar epidemiologi Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Malina Osman, berkata kerajaan

wajar untuk melarang perjalanan keluar masuk di kawasan merekodkan peningkatan kes COVID-19.

"Dari segi epidemiologi dan kesihatan awam, memang kita cadangkan jika ada kawasan tertentu ada jangkitan, maka perlu kawal pergerakan penduduk di situ, bukan secara menyeluruh di seluruh negara.

"Pelaksanaan sekatan ini perlu dinilai bagi setiap kes. Contohnya bagi kluster di Kedah, jika ada peningkatan kes, wajar tak benarkan keluar masuk dan dinilai dari semasa ke semasa," katanya.



“Sepanjang PKPP ketika ini, kita menjangkakan kluster baharu akan lebih tertumpu dan setempat, jadi tiada keperluan untuk sekatan dilaksanakan di seluruh negara.

Dr Lam Sai Kit,
Pakar virologi UM

“Dari segi epidemiologi dan kesihatan awam, memang kita cadangkan jika ada kawasan tertentu ada jangkitan, maka perlu kawal pergerakan penduduk di situ.

Dr Sharifa Ezat Wan Puteh,
Pakar kesihatan awam UKM

